


UNIT 4

KAUM DI MALAYSIA



NOTA EFEKTIF

KEPELBAGAIAN KAUM DI MALAYSIA





Kaum	Dahulu		Kini	
	Kediaman	Kegiatan Ekonomi	Kediaman	Kegiatan Ekonomi
Melayu	- Kampung - Persisiran pantai - Sungai	- Nelayan - Petani - Peniaga kecil-kecilan - Perkhidmatan awam	- Negara semakin makmur setelah merdeka dan pembentukan Malaysia. - Pelbagai dasar telah dirancang oleh pemimpin untuk pembangunan negara. - Usaha untuk menghapuskan kegiatan ekonomi berasaskan kaum menampakkan kejayaan. - Sikap toleransi masyarakat Malaysia berjaya diterapkan sehinggakan masyarakat pada hari ini mampu bekerja bersama-sama dan tinggal di dalam satu kawasan perumahan. - Mengutamakan kesejahteraan negara melebihi kepentingan sendiri telah berjaya membentuk Malaysia yang bersatu padu. - Kemakmuran ekonomi negara membolehkan rakyat Malaysia hidup bersama dan aman tanpa pemisahan tempat tinggal.	
Cina	- Bandar - Pekan	- Pelombong bijih timah - Peniaga		
India	- Pinggir bandar - Ladang	- Buruh ladang - Peniaga kecil-kecilan - Pekerja pelabuhan		
Orang Asli	Pedalaman di Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu	- Hasil kraf tangan - Berburu - Mengutip hasil hutan		

ALAT MUZIK DAN TARIAN TRADISIONAL DALAM MASYARAKAT MALAYSIA



Kaum/Etnik	Alat Muzik	Tarian
Masyarakat Melayu	• Angklung • Gambus • Nafiri • Geduk	• Tarian makyung • Tarian zapin • Tarian inang
Masyarakat Cina	• Gendang • Bo • Liu Qin • Seruling	• Tarian singa • Tarian naga • Tarian kipas
Masyarakat India	• Pullangkulal • Talam • Mattalam • Veenai	• Tarian baratha natyam • Tarian kathakali • Tarian kathak
Masyarakat Sarawak	• Sape • Engkururai • Engkerumong • Gendang	• Tarian ngajat
Masyarakat Sabah	• Kulintangan • Sompoton • Tongkungan • Tontog	• Tarian sumazau • Tarian adai-adai • Tarian daling-daling
Masyarakat Orang Asli	• Buluh centong • Gendang • Kereb • Pensol • Tetawak	• Tarian sewang
Masyarakat Sikh	• Dram dhol • Kayu Besar • Harmonika • Tamborin	• Tarian bhangra

PERMAINAN TRADISIONAL MASYARAKAT MALAYSIA



Nama Permainan	Jenis Permainan
Permainan Anjung	Congkak, Batu Seremban, Go atau Weiqi, Yoyo Cina atau Diabolo, Chaturangam, Paramapadham
Permainan Laman	Sepak Raga, Chap Teh, Kabaddi
Permainan Kawasan Lapang	Wau, Tibau, Sepak manggis, Gasing

CERITA RAKYAT BERUNSUR TEMPATAN DALAM MASYARAKAT MALAYSIA



- Cerita yang wujud dan berkembang dalam masyarakat pada zaman dahulu
- Disampaikan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi.
- Cerita ini tiada pemilik khusus tetapi ada unsur nasihat dan pengajaran.
- Antara cerita-cerita rakyat adalah seperti berikut:

- 1 Si Luncai dengan Labu-labunya
- 2 Lagenda Santubong Sang Puteri (Sarawak)
- 3 Legenda Nunuk Ragang (Sabah)